

ANALISIS KEBERKESANAN KAEDAH
'DEAR' DALAM PENULISAN CERPEN
BAHASA TAMIL DALAM
KALANGAN MURID
TINGKATAN EMPAT

MULLAY CHANDRA A/P S CHANDRASAKAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

**ANALISIS KEBERKESANAN KAEDAH 'DEAR' DALAM PENULISAN
CERPEN BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN
MURID TINGKATAN EMPAT**

MULLAY CHANDRA A/P S CHANDRASAKAR

**LAPORAN KERTAS PROJEK/DISERTASI/TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN BAHASA TAMIL
MODE PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025

**ANALISIS KEBERKESANAN PENDEKATAN ‘DEAR’ DALAM PENULISAN
CERPEN BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN
MURID TINGKATAN EMPAT**

MULLAY CHANDRA A/P S CHANDRASAKAR

**LAPORAN KERTAS PROJEK/DISERTASI/TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN/ MODE C SARJANA KERJA KURSUS**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: ANALISIS KEBERKESANAN PENDEKATAN 'DEAR' DALAM
PENULISAN CERPEN BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN
MURID TINGKATAN EMPAT

No. Matrik / Matric's No.: M20241000401

Saya / I: MULLAY CHANDRA A/P S CHANDRASAKAR

Mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat - syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

PROF. MADYA DR. KARTHEGES PONNIAH
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 24.12.25

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila tampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: ANALISIS KEBERKESANAN PENDEKATAN 'DEAR' DALAM
PENULISAN CERPEN BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN
MURID TINGKATAN EMPAT

No. Matrik / Matric's No.: M20241000461

Saya / I: MULLAY CHANDRA A/P S CHANDRASAKAR

Mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat - syarat kegunaan seperti berikut:-
Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ SULIT/CONFIDENTIAL


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


☐ TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

PROF. MADYA DR. KARTHEGES PONNIAH
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 24.12.25

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Disertasi ini berjaya disiapkan daripada sokongan, bimbingan dan dorongan daripada pelbagai pihak. Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses penyiapan disertasi ini. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Karthees Ponniah atas segala bimbingan, nasihat, pandangan yang membina serta kesabaran yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan disertasi ini. Ilmu, komitmen dan keprihatinan beliau amat saya hargai dan menjadikan sebagai panduan penting dalam memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Ucapan penghargaan yang amat istimewa saya tujukan kepada suami tercinta En. Dhevan Rajendran yang sentiasa memberikan sokongan moral, dorongan dan kefahaman sepanjang perjalanan pengajian ini. Kesabaran dan pengorbanan beliau menjadi sumber kekuatan utama yang membantu saya terus melangkah walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Seterusnya, saya juga ini merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya iaitu Vimona, Kala, Rajeswari, Anjalai, Puvaneswari dan rakan sekerja saya yang banyak membantu, memberi kerjasama berkongsi idea serta memberikan sokongan dan semangat sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Bantuan dan keprihatinan yang diberikan amat bermakna dan tidak akan dilupakan. Penghargaan ini turut ditujukan kepada ibu mertua saya iaitu Puan Susila atas sokongan, doa dan keprihatinan yang sentiasa mengiringi perjalanan pengajian saya. Sokongan beliau memberikan ketenangan dan kekuatan dalam menghadapi tuntutan akademik dan tanggungjawab harian. Akhir sekali, penghargaan paling istimewa saya didedikasikan kepada arwah ayah tercinta saya Encik Chandrasakar. Walaupun beliau tiada sekarang, semangat, pengorbanan dan nilai kehidupan yang ditinggalkan menjadi inspirasi dan kekuatan saya dalam menamatkan pengajian ini. Kejayaan ini adalah sebahagian daripada tanda penghormatan dan ingatan abadi buat beliau. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan atas kekuatan, ketabahan dan peluang yang diberikan sepanjang perjalanan ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan kaedah Drop Everything And Read (DEAR) dalam meningkatkan kemahiran penulisan cerpen dalam kalangan murid Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil. Permasalahan utama yang dikenal pasti ialah murid menghadapi kesukaran untuk mengembangkan idea, menggunakan kosa kata yang sesuai serta membina struktur ayat yang gramatis dalam penulisan cerpen. Selain itu, tahap minat membaca yang rendah turut mempengaruhi kualiti penulisan murid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuasi eksperimen dengan satu kumpulan rawatan sahaja. Seramai 15 orang murid Tingkatan 4 telah dipilih sebagai responden kajian. Instrumen kajian terdiri daripada ujian pra dan ujian pasca yang melibatkan penulisan cerpen bertema sama bagi menilai tahap kemahiran penulisan murid sebelum dan selepas pelaksanaan kaedah DEAR. Intervensi DEAR telah dilaksanakan selama enam minggu, di mana murid diberi masa khusus untuk membaca bahan bacaan yang sesuai sebelum menjalankan aktiviti penulisan. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam skor min ujian pasca berbanding ujian pra. Hal ini membuktikan bahawa kaedah DEAR berkesan dalam membantu murid menjana idea, memperkayakan kosa kata, memperbaiki struktur ayat serta meningkatkan kefahaman terhadap elemen cerpen. Selain itu, kaedah DEAR juga didapati dapat meningkatkan minat membaca dan keyakinan murid dalam penulisan cerpen. Kesimpulannya, kaedah DEAR merupakan satu pendekatan pengajaran yang berkesan dan sesuai diaplikasikan dalam pengajaran Bahasa Tamil, khususnya bagi meningkatkan kemahiran penulisan cerpen dalam kalangan murid sekolah menengah.

Kata kunci : Kaedah DEAR, kemahiran penulisan, cerpen, Bahasa Tamil, minat membaca





AN ANALYSIS OF THE EFFECTIVENESS OF THE DEAR APPROACH IN TAMIL SHORT STORY WRITING AMONG FORM FOUR STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to examine the effectiveness of the Drop Everything And Read (DEAR) method in improving short story writing skills among Form 4 students who take Tamil language as a subject. The main problems identified include students difficulties in developing ideas, using appropriate vocabulary, and constructing grammatically correct sentences in short story writing. In addition a low level of reading interest has also been found to influence the quality of student's writing. This study employed a quasi experimental research design involving a single treatment group. A total of 15 Form 4 students were selected as the respondents of the study. The research instruments consisted of a pre-test and post test, which required students to write short stories based on the same theme in order to assess their writing skills before and after the implementation of the DEAR method. The DEAR intervention was conducted over a period of six weeks, during which students were allocated dedicated time to read suitable reading materials prior to engaging in writing activities. The findings of the study revealed a significant improvement in the mean scores of the post – test compared to the pre-test. This indicates that the DEAR method is effective in assisting students in generating ideas, enriching vocabulary, improving sentence structure and enhancing their understanding of short story elements. Furthermore, the DEAR method was also found to increase students reading interest and confidence in short story writing. In conclusion, the DEAR method is an effective instructional approach and is suitable for application in Tamil language teaching, particularly in enhancing short story writing skills among secondary school students.

Keywords : DEAR method, writing skills, short stories, Tamil Language, reading interest





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

1

1.2 Latar Belakang Kajian

2

1.3 Pernyataan Masalah

5

1.4 Objektif Kajian

7

1.5 Persoalan Kajian

8

1.6 Batasan Kajian

8

1.6.1 Teknik Pengajaran

8

1.7.2 Bahan

9

1.7.2 Responden

9

1.8 Kepentingan Kajian

9

1.8.1 Murid

9

1.8.2 Guru

11

1.8.3 Sekolah

13

1.8.4 Kementerian Pendidikan Sekolah

14

1.9 Sumber Kajian

15

1.9.1 Sumber Primer

16





1.9.1.1 Cerpen-cerpen nukilan murid tingkatan 4	16
1.9.1.2 Temu bual	17
1.9.2 Sumber Sekunder	17
1.9.2.1 Artikel Akademik	17
1.9.2.2 Kajian lepasan	17
1.9.2.3 Dokumen Kementerian Pendidikan Malaysia	17
1.9.2.4 Laporan Peperiksaan	18
1.10 Definisi Operational	18
1.10.2 Teknik 'DEAR'	18
1.10.3 Penulisan Cerpen Sekolah Menengah	19
1.11 Penutup	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Kajian Tindakan	22
2.3 Kemahiran Membaca	22
2.4 Kemahiran Penulisan	25
2.5 Cerpen	27
2.6 Penutup	35

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.3 Persampelan Kajian	40
3.4 Instrumen Kajian	40
3.4.1 Rurik Penilaian	41
3.4.1.1 Elemen Gaya Bahasa Sebagai Instrumen Menilai Kualiti Cerpen	
3.4.2 Ujian Pra	47
3.4.3 Ujian Pasca	48



3.4.4 Modul Bacaan	49
3.4.5 Temu bual	51
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	52
3.6 Teknik Analisis Data	54
3.7 Etika Kajian	54
3.8 Penutup	55

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	57
4.2 Analisis Kelemahan Struktur dan Bahasa dalam Cerpen Ujian Pra	58
4.2.1 Kekurangan Idea	59
4.2.2 Kekurangan penggunaan kosa kata bidang	61
4.2.3 Kesalahan tatabahasa	64
4.2.4 Pembinaan Struktur Ayat	66
4.2.5 Kekangan Lanjutan dalam Penghasilan Cerpen	68
4.2.5.1 Kesukaran Merangka Pengakhiran	68
4.2.5.2 Faktor Motivasi dan Keyakinan diri yang rendah	70
4.3 Melaksanakan kaedah DEAR dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan cerpen Bahasa Tamil	73
4.3.1 Pelaksanaan Intervensi DEAR	73
4.3.2 Aktiviti pasca membaca	74
4.3.3 Guru sebagai penggerak aktiviti pembelajaran	76
4.3.4 Pengaruh bacaan terhadap gaya penulisan murid	77
4.3.5 Peningkatan minat membaca	79
4.3.6 Peningkatan keyakinan dan kefahaman struktur cerpen	80
4.3.7 Keberkesanan pendekatan “reading-to-write”	82
4.4 Membandingkan Prestasi Murid Setelah Pelaksanaan Kaedah DEAR	84
4.5 Rumusan	93



BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	94
5.2 Perbincangan Kajian	95
5.2.1 Perbincangan Mengikut Objektif Kajian Pertama	96
5.2.2 Perbincangan Mengikut Objektif Kajian Kedua	98
5.2.3 Perbincangan Mengikut Objektif Kajian Ketiga	102
5.3 Implikasi Kajian	104
5.3.1 Implikasi terhadap Murid	104
5.3.2 Implikasi terhadap Guru	105
5.3.3 Implikasi terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc)	105
5.3.4 Implikasi terhadap Sekolah	106
5.4 Cadangan Kajian	107
5.5 Rumusan	108





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.0 Tajuk karangan cerpen SPM Bahasa Tamil kertas 2 Bahagian B	4
3.1 Rubrik Penilaian Cerpen Bahasa Tamil SPM yang diterjemahkan bahasa	42
3.2 Rubrik Penilaian Cerpen Bahasa Tamil SPM	43
3.3 Penjelasan Maksud yang Digunakan dalam Petikan Bahasa Tamil	47
3.4 Modul Cerpen yang Merangkumi Pelbagai Tema	49
3.5 Latihan contoh tema yang diberikan dalam Aktiviti Pasca Membaca	50
4.1 Masalah kekurangan idea dan kosa kata dalam penulisan cerpen	60
4.2 Tema pengorbanan yang ditulis oleh murid	60
4.3 Penggunaan Bahasa Bidang Khusus Mengikut Tema	62
4.4 Kosa kata bidang yang digunakan oleh Murid 15	63
4.5 Kesalahan tatabahasa dan struktur ayat	66
4.6 Kesalahan struktur ayat	67
4.7 Pengakhiran cerpen yang rasional	69
4.8 Faktor motivasi dan keyakinan murid	71
4.9 Perbandingan keminatan membaca sebelum dan selepas kaedah DEAR	80
4.10 Markah yang diperolehi oleh murid dalam ujian pra	84
4.11 Markah yang diperolehi oleh murid dalam ujian pasca	85
4.12 Perbezaan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca	86
4.13 Analisis Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca	89
4.14 Rubrik Penilaian Cerpen Bahasa Tamil	90





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.0 Contoh soalan penulisan bahagian B	3
3.1 Proses Penulisan Cerpen dengan menggunakan kaedah DEAR	38
3.2 Instrumen Kajian	41
3.3 Penjelasan Maksud yang Digunakan dalam Petikan Bahasa Tamil	46
3.4 Prosedur pengumpulan data kajian DEAR	52
4.1 Kesalahan tatabahasa	65
4.2 Petikan pengakhiran yang tidak menarik	68
4.3 Perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca	88
4.4 Tahap murid mengikut rubrik penilaian dalam ujian pra	90
4.5 Tahap murid mengikut rubrik penilaian dalam ujian pasca	91
4.6 Lonjakan tahap oleh 6 murid	92





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LP	Lembaga Peperiksaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DEAR	DROP EVERYTHING AND READ
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcara





SENARAI LAMPIRAN

- A CARTA ALIRAN PROSEDUR KAJIAN
- B SOALAN UJIAN PRA
- C SOALAN UJIAN PASCA
- D LATIHAN CONTOH TEMA YANG DIBERIKAN DALAM
AKTIVITI PASCA MEMBACA
- E RUBRIK PENILAIAN CERPEN BAHASA TAMIL SPM YANG
DITERJEMAHKAN KEPADA BAHASA MELAYU
- F CONTOH BAHAN BACAAN CERPEN 'DEAR'
- G JADUAL KEHADIRAN MURID SEMASA PELAKSANAAN
INTERVENSI
- H SOALAN TEMUBUAL



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini bertajuk Analisis Keberkesanan Kaedah ‘Dear’ Dalam Penulisan Cerpen Bahasa Tamil Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat. Bab ini membincangkan latar belakang, objektif kajian, persoalan kajian. Terdapat empat persoalan utama dalam kajian ini. Selain itu, batasan kajian dan kepentingan kajian juga diperbincangkan terperinci. Kepentingan kajian ini memberi manfaat kepada murid, guru, sekolah, Kementerian Pendidikan serta perkembangan bahasa Tamil. Akhir sekali, bab ini turut membincangkan tentang sumber kajian yang dirujuk dan memberikan penjelasan tentang definisi operational juga digunakan dalam bab ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Di dalam DSKP iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018) di bawah elemen penulisan terdapat banyak standard pembelajaran yang memberi penaknaan dalam kemahiran penulisan. Murid diajar untuk menulis karangan seperti surat rasmi, laporan, cerpen dan bentuk penulisan yang lain. Tahap kesukaran bagi kemahiran penulisan akan dipertingkatkan dari menengah rendah ke atas. Salah satu standard pembelajaran dalam Tingkatan 4 di bawah kemahiran penulisan ialah 3.4.28 menulis cerita dalam 220 patah perkataan. Di sini, cerita merujuk kepada cerpen.

Penulisan cerpen ini memerlukan kemahiran pemahaman yang mendalam terhadap beberapa elemen yang penting seperti plot, klimaks, watak dan perwatakan dan sebagainya. Ini kerana penulisan cerpen adalah salah satu soalan Sijil Pelajaran Malaysia dalam subjek Bahasa Tamil. Murid perlu menghasilkan sebuah cerpen dalam ujian bertulis. Namun begitu, kebanyakan murid tidak mempunyai kemahiran untuk menghasilkan sebuah cerpen yang berkualiti. Ini disebabkan oleh, pengurangan pendedahan bahan bacaan yang sesuai dan relevan bagi penulisan yang efektif.

Selain itu, terdapat juga skema pemarkahan bagi soalan cerpen dalam SPM. Ia memberi penekanan kepada beberapa elemen seperti plot yang menarik, pergerakan cerita mengikut tema, ayat gramatis, penggunaan bahasa, klimaks dan pengakhiran cerita yang melangkaui jangkaan pembaca. Oleh itu, pelajar perlu memberi kepentingan kepada semua perkara ini dalam penulisan cerpen bagi memenuhi standard yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.





Peperiksaan Bahasa Tamil SPM terbahagi kepada 2, iaitu kertas 1 dan kertas 2. Kertas 1 terdapat 2 bahagian. Dalam bahagian ke-2 mempunyai 3 soalan dan murid perlu memilih salah satu untuk menjawab. Markah bagi soalan ini adalah sebanyak 70 daripada 100 peratus. Salah satu soalan yang diajukan dalam bahagian ini mengenai penulisan cerpen. Tema bagi soalan penulisan cerpen ini semuanya berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Nilai-nilai yang terdapat dalam DSKP akan membantu pelajar untuk mengaplikasikan konsep yang dipelajari secara kreatif dalam penulisan cerpen. Contoh soalan bahagian B kertas 1 dalam peperiksaan seperti yang ditunjukkan di bawah,

பிரிவு ஆ : திறந்தமுடிவுக் கட்டுரை

[பரிந்துரைக்கப்படும் நேரம் : 1 மணி 15 நிமிடம்]

கொடுக்கப்பட்டுள்ள தலைப்புகளுள் ஏதேனும் ஒன்றைப் பற்றி 300 சொற்களில் ஓர் எழுத்துப்படிவத்தை எழுதுக.

1. நூலகம்
இத்தலைப்பில் ஒரு கருத்து விளக்கக் கட்டுரை எழுதுக.
2. இயங்கலை கல்வியினால் ஏற்படும் விளைவுகள்
இத்தலைப்பை விவாதித்து ஒரு கட்டுரை எழுதுக.
3. நேர்மை
இக்கருப்பொருளில் ஒரு சிறுகதை எழுதுக.

[70 புள்ளி]

Rajah 1.0. Contoh soalan penulisan bahagian B

Terdapat 3 soalan penulisan dalam bahagian B dan murid dikehendaki memilih salah satu untuk menjawab. Pilihan ketiga merupakan soalan mengenai cerpen. Tema



bagi soalan akan diberikan mengikut DSKP. Jadual berikut menunjukkan soalan cerpen yang telah ditanya dalam peperiksaan SPM dua tahun kebelakangan ini.

Jadual 1.0

Tajuk karangan cerpen SPM Bahasa Tamil kertas 2 Bahagian B

TAHUN	TEMA SOALAN CERPEN
2022	மனித நேயம் (berperikemanusiaan)
2024	தியாகம் (pengorbanan)

Penulisan cerpen ini telah mengasah melalui beberapa kaedah yang terdapat dalam pedagogi. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kemahiran penulisan kreatif dalam kalangan murid. Dalam kajian ini, kaedah 'DEAR' sebagai salah satu intervensi untuk meningkatkan kemahiran penulisan cerpen dalam kalangan murid. Kaedah ini berfokuskan kepada pembacaan sahaja dimana murid perlu menghentikan semua aktiviti yang tengah dibuat dan hanya fokus dalam pembacaan cerpen yang berkaitan. Kaedah ini diharapkan akan membantu pelajar untuk berfikir kreatif dan menghasilkan karya yang berkualiti.

Kaedah DEAR ini membantu murid untuk membaca dan menulis sebuah cerpen. DEAR mengalakkan murid untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis. Ia juga memupuk budaya membaca dalam kalangan murid. Selain itu, DEAR juga penting untuk mengasah pemikiran kreativiti bagi mengumpul idea dan teknik dalam penghasilan sebuah cerpen. Kaedah ini juga diaplikasikan untuk menilai



keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran penulisan cerpen. Sejauh manakah kaedah ini dapat membantu murid untuk berfikir secara kreativiti dalam menghasilkan karya yang bermutu dan berkualiti.

Akhir sekali, kaedah DEAR digunakan dalam kajian ini untuk meningkatkan kemahiran penulisan cerpen bahasa Tamil dalam kalangan pelajar tingkatan 4.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat banyak kaedah yang digunakan dalam kajian penulisan cerpen. Walaupun terdapat beberapa isu yang muncul dalam kalangan murid malah ia boleh diklasifikasikan kepada beberapa faktor. Isu pertama adalah murid mengalami masalah untuk menggunakan kosa kata yang sesuai dalam penulisan cerpen.

Selain itu, pemikiran kreativiti murid sangat kurang dan tidak dapat diaplikasikan dalam penulisan cerpen. Ini boleh dibuktikan melalui markah yang diperolehi oleh murid tersebut dalam ujian yang dilaksanakan oleh guru dalam sekolah. Seterusnya, murid tidak berupaya membina satu cerita yang mempunyai plot yang menarik perhatian pembaca. Penggunaan gaya bahasa juga sangat diambil kira dalam penulisan cerpen. Ini kerana gaya bahasa berperanan dalam membina karakter, situasi, dan pesanan yang ingin disampaikan oleh penulis. Penggunaan gaya bahasa seperti dialog, hiperbola dan personifikasi akan membuat pembacanya tidak berasa bosan semasa membaca cerpen.





Mengikut statistik, peratus murid yang memilih soalan cerpen rendah bagi soalan karangan kertas 1 Bahasa Tamil. Kebanyakan murid tidak memilih tajuk cerpen sebagai pilihan dalam SPM sebenar. Ini dapat dibuktikan melalui rekod yang didokumentasikan oleh Lembaga Peperiksaan.

Selain itu, murid juga tidak terlibat dalam apa jua pertandingan yang mengenai dengan penulisan cerpen secara keseluruhan. Ini disebabkan oleh mereka kurang minat terhadap penulisan dan pembacaan. Murid tidak memahami konteks yang perlu ada dalam sesebuah cerpen dan belum memahami kandungan cerpen secara mendalam. Ini menyebabkan mereka untuk tidak memilih soalan cerpen dalam peperiksaan.

Oleh sebab, murid mengalami masalah begini dalam penulisan cerpen kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah 'DEAR'. Kaedah DEAR boleh mengurangkan masalah yang dialami oleh murid dalam penulisan cerpen. Ini kerana, kaedah DEAR memberi penerangan iaitu murid akan berfokus penuh dalam pembacaan cerpen sahaja selama 15 minit sehari. Murid hanya akan fokus dalam pembacaan cerpen sahaja untuk 15 minit yang diperuntukkan kepada mereka. Melalui pembacaan, otak murid akan berfungsi khususnya ingatan mereka. Murid akan ingat terhadap kosa kata, gaya bahasa, plot yang ada dalam cerpen. Murid juga akan meningkatkan kemampuan mereka dalam daya ingatan, berkomunikasi dan juga kepercayaan atas diri sendiri.

Keperluan bagi memilih kaedah 'DEAR'(Drop Everything And Read) dalam kajian ini ialah ia merupakan satu metod di mana murid akan meluangkan masa untuk membaca sahaja. Ini akan mewujudkan budaya pembacaan antara murid di sekolah. Murid akan mengamalkan budaya ini secara rutin dalam kehidupan seharian mereka. Kaedah



ini juga membantu murid untuk meningkatkan pemahaman terhadap pelbagai konteks cerpen. Selain itu, ia sangat membantu murid untuk meningkatkan kemahiran penulisan dengan mengembangkan gaya penulisan yang baik.

Kesimpulannya, kaedah DEAR akan membantu murid dari segi penulisan dan pembacaan bagi mengatasi masalah dan isu yang dinyatakan dalam pernyataan masalah. Dapatan ini selari dengan pandangan Krashen (2024) yang menegaskan bahawa pembacaan sendiri secara berterusan akan meningkatkan kecekapan dalam bahasa, serta Slavin (2018) juga menyatakan bahawa strategi pengajaran ini berfokuskan pembacaan memberi kesan yang baik terhadap pencapaian murid.

1.4 Objektif Kajian

Saya menjalankan kajian ini untuk menganalisis keberkesanan kaedah 'DEAR' dalam penulisan cerpen Bahasa Tamil murid tingkatan 4. Melalui kajian penyelidikan akan mencapai objektif yang berikut;

- 1.4.1 Mengenalpasti permasalahan murid dalam penulisan cerpen Bahasa Tamil.
- 1.4.2 Melaksanakan kaedah DEAR dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan cerpen Bahasa Tamil.
- 1.4.3 Membandingkan prestasi pelajar setelah pelaksanaan kaedah DEAR.



1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut;

- 1.5.1 Apakah permasalahan pelajar dalam penulisan cerpen Tamil?
- 1.5.3 Apakah kandungan modul DEAR dan bagaimana ia dilaksanakan kepada murid?
- 1.5.3 Apakah tahap pencapaian pelajar setelah pelaksanaan pendekatan DEAR?

Persoalan kajian ini diramalkan untuk membantu kajian ini bagi menilai keberkesanaan dan implikasi kaedah DEAR terhadap penulisan cerpen.



1.6 Batasan Kajian

Kajian ini beberapa batasan untuk menentukan skop kajian dengan tepat. Antaranya ialah;

1.6.1 Teknik Pengajaran

Secara keseluruhan, dalam kajian ini hanya menggunakan teknik pengajaran DEAR sahaja sebagai kaedah utama. DEAR merupakan akronim kepada Drop Everything And Read.



1.6.2Bahan

Kajian ini khususkan kepada bahan pembacaan iaitu cerpen. Cerpen yang bersesuaian untuk pelajar SPM sahaja. Semua cerpen merupakan cerpen yang berkualiti dan mempunyai tema ataupun plot berlainan.

1.6.3Responden

Kajian ini hanya melibatkan murid tingkatan 4 sahaja daripada sebuah sekolah menengah yang ditentukan oleh pengkaji. Responden kajian ini terdiri daripada 15 orang murid yang mempunyai tahap kemahiran yang berlainan.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1Murid

Kajian ini memberi penekanan kepada murid bagi meningkatkan kemahiran penulisan cerpen. Melalui kajian ini murid juga akan meningkatkan budaya membaca melalui kaedah DEAR. Ini sangat membantu murid untuk mengasah kemahiran mereka dalam penulisan cerpen. Pembacaan bahan modul turut membantu murid untuk memperkayakan kosa kata dalam penggunaan bahasa yang lebih kesaian. Murid dapat memperkayakan penggunaan kosa kata dan meningkatkan keupayaan dalam penggunaan



bahasa dengan betul dan tepat. Ia akan membantu murid bagi meneliti gaya penulisan yang berbagai serta struktur ayat cerpen. Penggunaan teknik penceritaan dapat diaplikasi dalam penulisan cerpen murid sendiri.

Kajian ini juga mendorong murid untuk meningkatkan fikiran kritis yang memerlukan pemahaman tentang watak, tema, plot dan pergerakan cerita. Ini disebabkan oleh aktiviti membaca cerpen yang berterusan menggalakkan murid untuk memahami unsur-unsur sastera secara mendalam. Melalui mempunyai pemikiran kreativiti murid akan menghasilkan sebuah karya yang tersusun dan berlogik. Kajian ini mendorong murid untuk menghadapi soalan penulisan cerpen dalam peperiksaan. Ini sangat membantu murid untuk menghadapi peperiksaan dengan berani disebabkan mendapat ilmu yang mendalam melalui kaedah ini.



Secara keseluruhannya, kajian ini memupuk semangat membaca dalam kalangan murid. Ia juga membantu murid untuk mendapatkan pengetahuan secara lebih luas. Kajian ini selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Ini disebabkan oleh kajian ini membantu murid untuk berfikiran kritis dan kreatif iaitu kemahiran berfikiran aras tinggi. Murid juga akan memiliki kemahiran komunikasi, membaca dan menulis secara reflektif. Kaedah DEAR yang akan diterapkan dalam kajian ini mempunyai persamaan dengan prinsip pendidikan abad ke 21.

Akhir sekali, dapatan kajian ini dijangka dapat menjadi petunjuk kepada guru dan murid. Guru boleh merangka pembelajaran dan pengajaran yang lebih menarik untuk memperkasa penguasaan bahasa dalam kalangan murid.





1.7.2 Guru

Kajian ini sangat penting kepada golongan guru. Ini disebabkan oleh guru boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran dalam sekolah secara berluas. Kaedah DEAR memberi panduan kepada guru untuk meningkatkan kemahiran penulisan cerpen antara murid. Kaedah DEAR ini membantu guru untuk mempertingkatkan aktiviti pedagogi dengan mengutamakan kemahiran membaca yang mendalam. Ia akan berautomatik membantu murid untuk meningkatkan kemahiran menulis. Kaedah ini akan mendorong seseorang guru untuk memahami proses bagi aktiviti yang terancang dalam mendorong kreativiti, gaya bahasa dan gaya penulisan murid.

Kepentingan seterusnya ialah kaedah ini memudahkan bagi merancang aktiviti pembelajaran. Murid akan rasa lebih seronok sekiranya mempunyai pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Dalam suatu pengajaran yang mempunyai unsur keseronokkan terutamanya kepada murid ia akan memupuk semangat motivasi murid. Ini akan membantu meningkatkan bilangan calon yang mengambil subjek bahasa Tamil di setiap sekolah. Guru boleh menyesuaikan aktiviti mengikut keupayaan dan tahap murid.

Selain itu, melalui kaedah ini guru juga boleh mengenalpasti kelemahan murid. Semasa pelaksanaan kajian ini guru akan dapat mengenalpasti hasil penulisan murid berada dalam tahap mana. Melalui analisis guru boleh merancang suatu intervensi bagi membimbing murid untuk mengajar cara penggunaan kosa kata dan menggunakan idea bagi hasilkan suatu karya yang menarik. Kaedah ini berkonsisten dengan prinsip





pembelajaran berasaskan data yang memberi kepentingan kepada mengambil keputusan dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran berdasarkan dengan data yang sebenar. Selain itu, guru juga boleh memupuk kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid melalui kajian ini. Murid akan membaca dahulu dan menulis kemudian dalam kajian ini, ia akan membantu guru untuk menjadi sebagai pendorong kepada murid bagi menilai prestasi mereka.

Guru juga boleh buat analisa terhadap penulisan murid dan menganalisis secara mendalam. Secara langsung, guru dapat membangunkan generasi yang mempunyai pemikiran kritis dan kreatif seperti yang dinyatakan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Melalui pelaksanaan kaedah DEAR ini dapat meningkatkan prestasi murid dalam subjek Bahasa Tamil. Guru terlibat dalam kajian ini secara langsung bagi memupuk mereka untuk menulis cerpen. Cerpen merupakan salah satu pilihan dalam soalan karangan kertas 2 di bahagian B yang merangkumi sebanyak 70 markah. Guru yang membantu bagi mengaplikasikan kaedah ini secara efektif dapat melahirkan murid yang mempunyai keupayaan bagi menghasilkan karya penulisan yang bernilai tinggi dengan memenuhi ciri-ciri kreativiti.

Kajian ini memberikan impak yang berkesan profesion guru bagi memperkayakan gaya pengajaran serta menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan.





1.7.3 Sekolah

Sekolah merupakan salah satu institusi yang akan memperoleh banyak manfaat daripada hasil kajian ini. Pertamanya ialah pelaksanaan kaedah DEAR dapat membantu murid untuk meningkatkan kemahiran penulisan. Ia secara langsung akan membantu institusi sekolah untuk meningkatkan prestasi akademiknya. Selain itu, kajian ini juga memperkukuh imej sekolah melalui melahirkan penuntut ilmu yang cemerlang dan inovatif.

Murid yang terlibat dalam kajian ini akan menunjukkan kelebihan dalam aspek kognitif dan psikomotor. Ia akan membantu mereka dari segi kemahiran membaca dan menulis secara efektif. Perkara ini akan melahirkan generasi atau murid yang berakhlak, berkompetasi dan mampu menjadi asset sekolah dalam apa jua pertandingan. Ia sangat membantu dalam pembangunan profesionalisme guru di sekolah. Zaman PAK-21 ini, sangat menekankan program untuk guru seperti Professional Learning Coaching (PLC).

Oleh itu, pihak sekolah boleh merancang program bagi melatih guru untuk melaksanakan kaedah DEAR berdasarkan hasil dapatan kajian. Ia bukan sahaja menekankan kemahiran pedagogi guru, malah melahirkan budaya pembelajaran professional yang berterusan dalam warga sekolah. Akhir sekali, pihak sekolah boleh menyimpan koleksi bahan bacaan yang lebih di perpustakaan untuk menyokong kaedah DEAR ini.





Pihak sekolah juga perlu memastikan bahawa bahan bacaan tersebut berkualiti dan memberi manfaat kepada murid dan guru. Pihak pentadbir sekolah boleh mengadakan program di sekolah seperti Minggu Membaca, Sudut Bacaan DEAR. Aktiviti-aktiviti seperti ini dapat memperluaskan ilmu pembelajaran murid dan memperkukuh budaya membaca dan menulis karya sastera. Pengurusan perpustakaan merupakan elemen yang sangat penting dalam menjayakan kaedah ini dalam kalangan murid di sekolah. Ini disebabkan oleh pengurusan pusat sumber boleh memberi bantuan dari segi persediaan bahan bacaan ataupun koleksi buku cerpen bahasa Tamil yang mencukupi untuk kegunaan murid di sekolah.

Kerjasama antara guru bahasa, guru perpustakaan, guru Nilam dan pengurusan sekolah amat penting bagi melaksanakan kaedah ini dengan berkesan. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membantu sekolah bagi melaksanakan melahirkan sekolah berkualiti tinggi yang memupuk murid yang cerdik dan cemerlang dalam berfikiran kritis.

1.8.4Kementerian Pendidikan Sekolah

Kajian ini membantu Kementerian Pendidikan dalam memperkukuh pelaksanaan dasar pendidikan. Ia boleh berfokuskan kepada peningkatan literasi dan penulisan. Dapatan kajian ini juga Kementerian boleh dirujuk untuk memperbaiki kurikulum pendidikan spesifikasi pada subjek Bahasa Tamil. Kurikulum boleh membuat penambahan kaedah DEAR sebagai suatu kaedah pengajaran. Dapatan yang diperoleh melalui kajian ini boleh dijadikan sebagai asa untuk masukkan kaedah DEAR





sebagai satu instrumen bagi pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum Bahasa Tamil. Ia boleh berfokus kepada kemahiran membaca dan menulis.

Selain itu, ia memperbanyakkan reka bentuk kurikulum malah ia juga akan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) bagi murid dalam sekolah. Kajian ini juga membantu Kementerian Pendidikan untuk mengadakan program dalam latihan ataupun kursus berkaitan dengan kaedah DEAR. Kementerian boleh merancang program latihan yang berprofesional kepada guru. Melalui program begini warga pendidik akan memahami teori pendidikan dan cara mengaplikasikan teori tersebut dalam pendidikan. Ini secara langsung akan menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidik.



menggubal garis panduan dalam pelaksanaan program literasi secara menyeluruh yang melibatkan bahasa Tamil. Elemen yang diaplikasikan dalam kajian ini terutamanya pembacaan dan pemahaman boleh dijadikan sebagai model untuk memperkukuh amalan membaca secara seluruh negara. Pelaksanaan kajian seperti ini, boleh meningkatkan prestasi murid dalam kemahiran penulisan secara menyeluruh.

1.8 Sumber Kajian

Kajian ini menggunakan pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat dan info bagi mencapai objektif dengan sempurna. Ia dibahagi kepada sumber primer dan sekunder.



1.8.1 Sumber Primer

Sumber primer kajian ini ialah data yang diperolehi secara langsung daripada murid tingkatan 4 yang melibatkan dirinya dalam kajian ini. Antara sumber primer yang digunakan dalam kajian ini ialah,

1.8.1.1 Cerpen-cerpen nukilan murid tingkatan 4

Dokumen-dokumen iaitu hasil penulisan pelajar yang digunakan dalam pasca ujian dan pra ujian. Ia akan digunakan untuk mendapat tahu perbezaan dalam penulisan dengan menggunakan kaedah DEAR.

1.8.1.2 Temu bual

Temu bual juga salah satu sumber dalam kajian ini yang akan dibuat antara murid dan guru. Ini untuk mendapatkan maklumat seperti masalah apa yang dialami oleh murid untuk menulis cerpen dengan penuh kriteria. Sumber primer ini untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan kebolehpercayaan. Ini akan membantu bagi menilai keberkesanan kaedah DEAR dalam meningkatkan kemahiran penulisan cerpen.



1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder merujuk kepada bahan kajian yang diperolehi secara bukan langsung dari objek kajian. Sumber ini telah diproses atau dianalisis oleh pihak lain dalam kajian. Antara sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini ialah;

1.8.2.1 Artikel Akademik

Jurnal, artikel, buku yang berkaitan dengan cerpen dan kaedah DEAR. Sumber ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dan membantu dalam kajian ini.



1.8.2.2 Kajian lepasan

Kajian -kajian sebelum ini yang menggunakan kemahiran penulisan cerpen dan kaedah DEAR(drop everything and read).

1.8.2.3 Dokumen Kementerian Pendidikan Malaysia

Dokumen-dokumen yang disahkan oleh KPM seperti DSKP, buku teks, skema pemerhatian dari Lembaga Peperiksaan (LPM), yang berkaitan dengan kurikulum Bahasa Tamil.



1.8.2.4 Laporan Peperiksaan

Laporan yang berkaitan dengan penulisan cerpen Bahasa Tamil dalam SPM. Keputusan pelajar ataupun statistik pemilihan soalan penulisan dalam peperiksaan yang diperolehi daripada Kementerian Pendidikan.

1.9 Definisi Operational

Definisi operational merujuk kepada penerangan tentang istilah-istilah yang digunakan dalam kajian. Ia akan membantu untuk memahami konsep kajian dengan tepat. Berikut merupakan beberapa definisi operational yang digunakan dalam kajian ini;

1.9.2 Teknik 'DEAR'

'DEAR'(Drop Everything And Read) adalah salah satu kaedah ataupun teknik yang berfokus kepada pembacaan. Ia merupakan satu strategi yang sering digunakan dalam sekolah untuk memupuk aktiviti bacaan dalam kalangan murid. Kaedah ini mengingatkan murid untuk menghentikan semua tugas yang dibuat olehnya dan hanya memfokuskan kepada pembacaan sahaja. Dear mengutamakan kemahiran literasi pelajar termasuk membaca dan menulis. Pelbagai bahan bacaan yang teratur dan lengkap akan digunakan dalam kaedah DEAR ini. Mengikut kajian ini, murid mengaplikasikan kaedah DEAR ini untuk meningkatkan kemahiran penulisan cerpen.



Pembacaan pelbagai cerpen yang mempunyai tema berlainan mendorong murid untuk meningkatkan kemahiran penulisan cerpen dan kefahaman secara mendalam.

1.9.3 Penulisan Cerpen Sekolah Menengah

Mengikut DSKP, murid di sekolah menengah dikehendaki menguasai standard pembelajaran untuk menulis cerita. Cerita ini diklasifikasikan sebagai cerpen di menengah atas. Salah satu soalan peperiksaan SPM Bahasa Tamil kertas 1 bahagian B diajukan murid untuk menulis cerpen. Cerpen merupakan cerita pendek yang mempunyai elemen-elemen seperti watak, perwatakan, klimaks, plot, latar dan gaya penulisan. Mengikut kajian ini, murid akan membaca bahan bacaan cerpen Bahasa Tamil dengan kaedah DEAR dan menghasilkan satu karya secara sendiri dengan kreativiti. Murid perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan untuk menghasilkan karya sastera yang memenuhi kriteria yang terdapat dalam penulisan cerpen.

1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kaedah Drop Everything And Read DEAR meningkatkan kemahiran penulisan cerpen Bahasa Tamil di kalangan murid tingkatan 4 di sebuah sekolah. Kaedah ini diunjurkan bahawa membantu murid mengembangkan pemikiran kreativiti, penguasaan kosa kata dan menyuburkan minat murid dalam penulisan cerpen. Murid boleh menghasilkan satu karya sastera yang





berkualiti tinggi dengan dengan menyorot elemen-elemen yang penting seperti gaya bahasa,plot, watak perwatakan dan lain -lain lagi.

Kajian ini juga memberikan faedah kepada para guru dalam merangka pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan efektif. Ia juga boleh memperbaiki prestasi penulisan cerpen dalam kalangan murid. Seterusnya, memberi gambaran yang baik kepada sekolah dengan prestasi murid dalam penulisan serta menyokong perkembangan Bahasa Tamil di sekolah menengah. Di penghujung kajian ini, diharapkan sangat untuk memberi inspirasi dan panduan kepada pendidik untuk mengadaptasi kaedah baru yang diperkenalkan dalam penulisan cerpen Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tingkatan 4.

